



TEKS UCAPAN

**YB PUAN LIM HUI YING
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**“SEMINAR PROFESIONAL KAUNSELOR DALAM
MENDEPANI TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN”**

**28 JANUARI 2026 (RABU).11.30 PAGI
DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1, PUTRAJAYA**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera & Salam Malaysia Madani

YBhg. Datin Dr Ruhani Mat Min

Presiden Lembaga Kaunselor Malaysia

YBrs. Tuan Haji Sadli Osman

Pendaftar Lembaga Kaunselor Malaysia

Ketua-Ketua Jabatan, Agensi Kerajaan, Pegawai-Pegawai Kementerian, Presiden Persatuan, Wakil-Wakil NGO serta kaunselor-kaunselor yang hadir pada hari ini.

Masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026 kepada semua hadirin khususnya kaunselor berdaftar yang hadir pada hari ini. Saya sangat berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan anda semua dalam program ini.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Lembaga Kaunselor Malaysia atas inisiatif menganjurkan seminar profesional ini, yang secara khusus memberi tumpuan kepada kesediaan dan peranan kaunselor dalam mendepani kemajuan teknologi kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (AI). Penganjuran seminar ini amat signifikan kerana ia membuktikan komitmen berterusan Lembaga Kaunselor Malaysia dalam memastikan profesion kaunseling di negara ini kekal relevan, beretika dan selari dengan perkembangan semasa. Dengan penganjuran seminar ini, ia mampu memperkukuh jaringan profesional antara kaunselor dan mengeratkan kerjasama dengan pelbagai persatuan kaunseling di Malaysia, sekaligus membuka ruang untuk pertukaran ilmu, pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang kaunseling bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

AI SEBAGAI ALAT SOKONGAN, BUKAN PENGGANTI

Hadirin Yang Dihormati,

Menurut pendekatan terkini dalam literatur kaunseling dan teknologi, perkhidmatan kaunseling berpandukan kecerdasan buatan (AI) merujuk kepada penggunaan sistem AI yang dibina untuk berfikir, belajar dan bertindak seperti manusia dalam menyokong proses psikososial, termasuk analisis emosi, saringan awal dan interaksi awal dengan klien, sambil memperkukuh peranan kaunselor profesional dalam memberikan intervensi yang berkesan dan beretika.

Perkembangan teknologi AI telah mula memberi kesan langsung kepada landskap perkhidmatan kaunseling. Dalam konteks ini, kaunselor bukan sahaja berperanan sebagai pemberi perkhidmatan, tetapi juga sebagai penilai kritikal terhadap penggunaan teknologi agar ia tidak bercanggah dengan prinsip, nilai dan etika profesion kaunseling.

Saya ingin menegaskan bahawa teknologi AI tidak boleh dan tidak seharusnya menggantikan peranan kaunselor. Hubungan **terapeutik** yang berasaskan empati, kepercayaan, kefahaman konteks budaya dan nilai kemanusiaan adalah elemen teras yang tidak mampu ditiru sepenuhnya oleh teknologi.

KOMITMEN KERAJAAN

Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sentiasa menyokong usaha Lembaga Kaunselor Malaysia dalam memperkasakan profesion kaunseling melalui pembangunan dasar, latihan berstruktur dan kerjasama strategik, di samping meyakini bahawa keseimbangan antara penggunaan teknologi dan nilai kemanusiaan akan memastikan profesion ini terus berperanan penting dalam menyokong kesejahteraan mental dan psikososial Masyarakat.

PERKHIDMATAN KAUNSELING DI MALAYSIA TAHUN 2026

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Pada 2026, perkhidmatan kaunseling menekankan kesejahteraan mental dan emosi secara holistik melalui pencegahan, intervensi awal dan sokongan teknologi digital beretika, sambil memupuk potensi diri, kemahiran membuat keputusan dan pengurusan emosi. Perkhidmatan dilaksanakan secara profesional, inklusif dan sensitif budaya dengan pematuhan undang-undang dan kod etika bagi memastikan keberkesanan, kualiti dan kepercayaan masyarakat terhadap profesion kaunseling terpelihara.

Malaysia memainkan peranan strategik sebagai pemangkin kesejahteraan individu dan pembangunan negara dengan menyokong pelbagai sektor utama. Pendekatan kaunseling yang holistik, berfokus pencegahan, intervensi awal serta pemanfaatan teknologi digital secara beretika menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera, berdaya tahan dan produktif. Secara keseluruhannya, perkhidmatan kaunseling pada tahun 2026 berfungsi sebagai komponen merentas sektor yang menyokong pembangunan pendidikan, keselamatan, sumber manusia dan kesihatan negara, selari dengan matlamat pembangunan mampan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

PENCAPAIAN TAHUN 2025

Kajian pembangunan Dasar Kaunseling Negara telah dilaksanakan bagi memperkukuh dan menyelaraskan perkhidmatan kaunseling di peringkat nasional, termasuk pengintegrasian teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan keberkesanan dan responsiviti perkhidmatan.

Tahun 2025 turut menyaksikan kejayaan penganjuran Persidangan Kaunseling Sedunia 2025 (WCC2025) melalui pemanfaatan jaringan antarabangsa dan komuniti teknologi bagi memastikan perkhidmatan kaunseling yang beretika, inovatif dan berfokus kepada kesejahteraan klien.

Semakan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) juga telah dilaksanakan bagi menangani perubahan landskap kaunseling digital dan perkhidmatan dalam talian, termasuk sesi libat urus bersama pakar pada 20 September 2025 serta pelaksanaan Regulatory Impact Analysis (RIA) pada 18 hingga 20 Disember 2025.

Selain itu, sebanyak 15 pusat kaunseling telah diwujudkan di masjid-masjid di Selangor dan akan diperluaskan, selain kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Selangor bagi penyediaan perkhidmatan kaunseling di 35 rumah pemulihan serta penyelarasan bersama NGO secara berkala.

Lembaga Kaunselor telah menubuhkan Jawatankuasa Sukarelawan Kaunselor Berdaftar di Zon Timur, Utara dan Selatan, manakala Zon Tengah, Sabah dan Sarawak akan ditubuhkan, bagi menyokong penyampaian perkhidmatan kaunseling dan psikososial melalui program komuniti serta bantuan pantas semasa bencana.

6 FOKUS UTAMA MEREFORMASI PERKHIDMATAN KAUNSELING

Bagi mereformasikan perkhidmatan kaunseling menjelang tahun 2026, enam fokus utama telah digariskan sebagai hala tuju utama, antaranya ialah:

- Semakan Akta 580 Dan Dasar Kaunseling secara digital
- Peningkatan Aksesibiliti Kaunselor Melalui teknologi buatan
- Pengurusan Kompetensi Dan Rekod Melalui Myelkm
- Latihan Profesional Berfokus AI Dan Etika Digital (Atas Talian)
- Pemantauan Perkhidmatan Digital Bagi Penguatkuasaan Standard
- Kursus Penyeliaan Komprehensif Yang Menekankan Kemahiran AI Dalam Kaunseling Untuk Menghadapi Cabaran Era Digital.

PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DALAM TALIAN (2026)

Permintaan terhadap perkhidmatan kaunseling dalam talian semakin meningkat dan membawa cabaran serta risiko tinggi sekiranya kaunselor tidak dipandu oleh garis panduan dan etika, khususnya berkaitan pengurusan data klien serta kerahsiaan sesi. Statistik Talian Kasih tahun 2025 menunjukkan masalah hubungan dan perkahwinan

sebagai kes tertinggi, diikuti isu tekanan, kerisauan dan kemurungan, selain kes berisiko tinggi seperti idea bunuh diri, self-harm dan penderaan. Dapatan ini menegaskan keperluan berterusan terhadap perkhidmatan kaunseling yang komprehensif, mudah diakses dan responsif.

SISTEM PENGURUSAN KAUNSELOR BERDAFTAR (MY E-LKM)

Lembaga Kaunselor telah membangunkan sebuah portal komprehensif dan sistematik bagi memudahkan akses kaunselor, bakal kaunselor dan orang awam kepada perkhidmatan kaunseling serta pengurusan sistem kaunselor. Mulai tahun 2026, semua kaunselor berdaftar diwajibkan menggunakan Sistem Pengurusan Kaunselor Berdaftar (MYeLKM) bagi tujuan pendaftaran, pemantauan kompetensi, pengurusan data profesional dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kaunseling.

Justeru, semua kaunselor yang layak diseru untuk segera mendaftar dalam MYeLKM bagi memperkukuh profesionalisme, pematuan piawaian dan kualiti perkhidmatan kaunseling demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

MENAMBAH DAN MEMANTAPKAN PROGRAM PENGKHUSUSAN KEPAKARAN BIDANG TUMPUAN UTAMA

Peningkatan berterusan jumlah kaunselor berdaftar sejak pewartaan Akta Kaunselor 1998 menunjukkan perkembangan positif profesion kaunseling, namun kajian mendapati bidang kepakaran kaunselor masih menjadi jurang dan cabaran utama. Sehubungan itu, keperluan pengkhususan dalam pelbagai bidang kaunseling dikenal pasti dan akan diperhalusi bersama institusi pengajian tinggi bagi menambah program berfokus.

PENGUATKUASAAN DAN PENYELIAAN

Aktiviti pengawalseliaan dan pemantauan akan terus diperkukuh melalui pemeriksaan lapangan bagi memastikan status pengesahan kaunselor berdaftar serta kualiti perkhidmatan yang mematuhi standard. Pegangan etika dan tatakelola yang baik merupakan asas profesionalisme kaunselor serta cerminan mutu perkhidmatan dan

kepercayaan masyarakat terhadap profesion ini. Isu salah laku dan integriti pengamal kaunseling tidak berdaftar perlu ditangani secara serius bagi memastikan persekitaran perkhidmatan yang profesional, melindungi kebajikan klien dan mematuhi prinsip non-maleficence.

HARAPAN TAHUN 2026

Saya berharap semua kaunselor berdaftar terus memperkukuh profesionalisme mereka dalam mendepani era teknologi:

Pertama: Kaunselor mesti mengekalkan etika dan integriti untuk memastikan kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan kaunseling.

Kedua: Kaunselor digalakkan terlibat dalam persidangan dan kolaborasi global, dengan sokongan AI untuk komunikasi dan perkongsian data.

Ketiga: Kaunselor perlu latihan berterusan dalam kemahiran digital dan AI secara beretika. Penggunaan AI mesti selaras dengan kod etika dan keselamatan data untuk melindungi kerahsiaan klien.

PENUTUP

Jelas bahawa penggunaan teknologi kecerdasan buatan dalam bidang kaunseling menuntut kesiapsiagaan, kebijaksanaan serta komitmen yang tinggi daripada para kaunselor agar setiap cabaran yang wujud dapat ditangani secara beretika dan berfokuskan kesejahteraan klien. Oleh itu, keseimbangan antara kemajuan teknologi dan nilai kemanusiaan perlu terus dipelihara supaya profesion kaunseling kekal relevan, berintegriti dan diyakini dalam mendepani perubahan era digital.

Diharap, amanat yang disampaikan pada hari ini dapat meniupkan semangat untuk berjuang demi kesejahteraan bersama di samping memperkukuhkan nilai sendiri bagi memantapkan perkhidmatan yang disampaikan. Ucapan terima kasih kepada semua

kaunselor berdaftar yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan kesesejahteraan komuniti dan masyarakat di negara ini.

**Bunga mawar di tepi jendela,
Harum baunya menyegarkan jiwa.
Usaha tanpa berputus asa,
Kaunselor cemerlang memacu negara,**

Sekian. Terima kasih